



# NOTA RUJUKAN KOMSAS

## Prosa Tradisional (Hikayat Siak)

### Sinopsis

Kisah bermula dengan pelayaran Tuan Bujang setelah mendapat perkenan daripada Sultan Palembang. Tuan Bujang dibekalkan oleh Sultan Palembang dengan pakaian keemasan dan keris kebesaran. Tuan Bujang sampai ke Rawas dan berkahwin dengan anak Dipati Batu Kuching. Tuan Bujang mendapat seorang anak lelaki dan dinamakan Raja Alang. Di Pagar Ruyung, Tuan Bujang telah ditabalkan sebagai Yamtuan Sakti. Tuan Bujang juga telah diuji bagi membuktikan bahawa baginda ialah daripada keturunan kesultanan Johor. Tuan Bujang telah diberi gelaran Yang Dipertuan Raja Kecil. Yang Dipertuan Raja Kecil telah pergi ke Siak namun tiada sesiapa yang mengenali baginda malah baginda terpaksa bekerja sebagai Nakhoda Penanggung. Kemudian baginda pergi ke Mengkalis dan di sana telah digelar oleh orang Minangkabau sebagai Yang Dipertuan. Baginda berhajat hendak menyerang negeri Johor. Pada masa yang sama, Raja Bugis iaitu Daheng Parani, Daheng Calak dan Raja Tuha telah datang ke Mengkalis. Mereka ingin membantu menyerang Johor. Daheng Parani telah membuat perjanjian sekiranya baginda berjaya menawan Johor, maka baginda akan menjadi Yang Dipertuan Besar dan Daheng Parani dilantik sebagai Yang Dipertuan Muda. Sepucuk surat telah dihantar kepada Yang Dipertuan Johor memaklumkan bahawa paduka anakanda Marhum Mangkat Dijulang ingin menuntut bela atas kematian ayandanya. Berita kedatangan Yang Dipertuan Raja Kecil anakanda Marhum Mangkat Dijulang di negari Johor menjadi perbualan rakyat. Bagi membuktikan bahawa baginda ialah anakanda Marhum Mangkat Dijulang, rakyat Johor telah meminta supaya baginda menawarkan air masin menjadi air tawar. Dengan izin-Nya, maka air masin telah bertukar menjadi air tawar. Rakyat Johor terus bersorak dan menyebut Yang Dipertuan Raja Kecil sebagai Tuanku Yang Maha Mulia. Baginda juga bertitah kepada rakyat Johor agar menyembah dengan ucapan "daulat". Baginda kemudian menyerang Johor. Yang Dipertuan Johor bersama anakanda baginda telah pulang ke kampung lama Bendahara. Sesampai Yang Dipertuan Raja Kecil ke dalam Kota Johor, baginda telah masuk ke istana. Baginda hairan kerana tidak ada Bendahara di dalam Istana. Baginda dimaklumkan bahawa Bendahara sudah melarikan diri. Yang Dipertuan Raja Kecil dimaklumkan bahawa bondanya Encik Apung telah meninggal dunia. Baginda berasa sugul dengan berita tersebut. Baginda telah bertunang dengan anak Bendahara yang bernama Tengku Tengah tetapi telah memutuskan pertunangan tersebut kerana terpicat dengan anak bongsu Bendahara iaitu Tengku Kamariah. Akhirnya baginda berkahwin dengan Tengku Kamariah dan ditabalkan menjadi Raja Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Syah.



# NOTA RUJUKAN KOMSAS

## Tema

### *Pengembaraan anak raja.*

Yang Dipertuan Raja Kecil telah mengembara dari satu tempat ke satu tempat bagi membuktikan bahawa baginda merupakan keturunan raja iaitu anakanda Marhum Mangkat Dijulang sehinggalah baginda ditabalkan menjadi Sultan Johor.

## Persoalan

1. Persoalan kesabaran akan membuahkan kejayaan.
2. Persoalan kebenaran tetap terbukti apabila tiba masanya.

## WATAK DAN PERWATAKAN

### 1. Yang Dipertuan Raja Kecil.

- Keturunan Raja Johor
- Nama asalnya Tuan Bujang.
- Berkahwin dengan Tengku Kamariah
- Ditabalkan menjadi Raja Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Syah.
- Berani  
Contoh: Yang Dipertuan Raja Kecil berani memutuskan pertunangannya dengan Tengku Tengah.
- Gigih  
Contoh: Yang dipertuan Raja Kecil gigih mengembara dari satu tempat ke satu tempat bagi membuktikan bahawa baginda merupakan keturunan raja iaitu anakanda Marhum Mangkat Dijulang.

## LATAR

### Latar Masyarakat

1. Golongan masyarakat feodal  
Contoh: Masyarakat yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja.
2. Golongan masyarakat istana.  
Contoh: Masyarakat yang tinggal di istana .



# NOTA RUJUKAN KOMSAS

Tingkatan 5

## Latar Masa

1. Latar masa tidak dinyatakan dengan terperinci namun peristiwa berlaku pada zaman Kesultanan pemerintahan Raja Siak.

## Latar Tempat

1. Rawas  
Contoh:  
Tempat Tuan Bujang berkahwin dengan anak Dipati Batu Kuching.
2. Siak  
Contoh:  
Tempat Yang Dipertuan Raja Kecil tetapi tiada siapa mengenali baginda malah baginda terpaksa bekerja sebagai Nahkhoda Penangguk.
3. Johor  
Contoh:  
Yang dipertuan Raja Kecil telah ditabalkan menjadi Raja Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Syah.

## Gaya bahasa

1. Penggunaan bahasa Arab  
Contoh:  
Allah Ta'ala,
2. Penggunaan bahasa istana  
Contoh:  
Patik, baginda, hulubalang, titah
3. Penggunaan kata ganda  
Contoh:  
Kaya-kaya, besar-besar, masing-masing

## NILAI

1. Nilai kegigihan  
Contoh:  
Yang dipertuan Raja Kecil gigih mengembara dari satu tempat ke satu tempat bagi membuktikan bahawa baginda merupakan keturunan raja iaitu anakanda Marhum Mangkat Dijulang.



# NOTA RUJUKAN KOMSAS

Tingkatan 5

2. Nilai keberanian

Contoh:

Yang Dipertuan Raja Kecil berani memutuskan pertunangannya dengan Tengku Tengah.

3. Nilai ketaatan

Contoh: Rakyat negeri Johor menunjukkan taat setia kepada Yang Dipertuan Raja Kecil setelah mengetahui baginda ialah keturunan raja.

## PENGAJARAN

1. Kita hendaklah gigih berusaha untuk mencapai kejayaan.
2. Kita janganlah cepat berputus asa sekiranya gagal dalam sesuatu hal.
3. Kita hendaklah patuh akan perintah ketua.

## LATIHAN

1. Nyatakan perkara sakti yang perlu dilakukan bagi membuktikan bahawa Tuan Bujang ialah keturunan Sultan Johor.
2. Sebutkan tiga keturunan raja Bugis yang ingin menyerang Johor.

## JAWAPAN

1. Perkara sakti yang telah perlu dilakukan bagi membuktikan bahawa Tuan Bujang ialah keturunan Sultan Johor ialah baginda dapat menawarkan air air masin.
2. Tiga keturunan raja Bugis yang ingin menyerang Johor ialah Daheng parani, Daheng Calak dan Raja Tuha.